

# FINAS dan UMS Anjur Bengkel Teknik Kamera Video Lanjutan

**MENYEDARI** kepentingan keperluan tenaga mahir dalam bidang profileman, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah bekerjasama menganjurkan Bengkel Teknik Kamera Video lanjutan baru-baru ini bertempat di Makmal Che Zulkarnain, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW).

Bengkel tersebut bertujuan meningkatkan pengetahuan amali mengenai teknik pengendalian kamera video pada peringkat lanjutan. Selain itu secara praktikal ia mendedahkan para peserta mengenai konsep visual, pencahayaan dan kontra, pergerakan kamera dan penggunaan pelbagai jenis kanta dan filter.

Bengkel yang dikendalikan oleh Indra Che Muda Redzuan, seorang Pengarah Sinematografi dan Videografi berpengalaman dalam bidang profileman Malaysia. Beliau telah berkecimpung dalam bidang profileman lebih daripada 30 tahun dengan filem-filem seperti Sara, Estet, San-

tau, Jangan pandang Belakang, Baik Punya Cilok dan banyak lagi.

Menurut Indra Che Muda, pengetahuan terhadap teknik penggunaan kamera yang betul sangat penting bagi memastikan wajah (look) sesebuah filem itu konsisten dan sesuai dengan genre sebuah filem yang dihasilkan.

Katanya, penggunaan kanta lensa dan pencahayaan akan mengurang risiko kualiti penghasilan filem ketika proses pasca produksi dijalankan.

"Kita harus memastikan proses rakaman dilakukan dengan menggunakan teknik kamera yang betul kerana ada beberapa perkara yang memang tidak akan dapat diperbaiki ketika proses pascaproduksi, katanya.

Bengkel yang diadakan selama lima (5) hari itu disertai oleh para pelajar UMS dan para peserta luar yang terdiri daripada para penggiat industri.

Bengkel tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan pihak FINAS dan UMS untuk membangunkan



**BENGKEL VIDEO ...** Para peserta Bengkel Teknik Kamera Video terdiri daripada pelajar UMS dan penggiat-penggiat industri.

guna tenaga mahir dalam bidang industri kreatif melalui surat niat yang telah ditandatangani pada Februari 2014 yang lalu.

Malah kedua-dua pihak akan menganjurkan lagi beberapa lagi siri bengkel pada tahun ini seperti Bengkel Penerbitan Klip Video, Bengkel Pencahayaan dan Bengkel Pengarahan.